

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN
MOHAMAD HANADZLAH [TAMBUN]****TARIKH : 14.3.2018 (RABU)****SOALAN :**

Dato' Seri Haji Ahmad Husni Bin Mohamad Hanadzlah [Tambun] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha untuk meningkatkan prestasi subjek matematik dan sains di Sekolah Kebangsaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan Inisiatif dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025: Perkukuhan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) untuk semua sekolah termasuk sekolah kebangsaan. Antara inisiatif untuk meningkatkan prestasi Sains dan Matematik ialah:

- i. Pelan Komunikasi Inisiatif STEM yang disebarikan melalui pelbagai platform dan medium, termasuk media sosial bagi memastikan maklumat tentang kepentingan pendidikan STEM dan peluang kerjaya dalam bidang STEM melibatkan pelbagai kumpulan sasaran, termasuk ibu bapa dan komuniti.

- ii. Menyediakan Panduan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Sains dan Panduan PdP Matematik mengikut tahun pembelajaran. Panduan ini menerangkan kepada guru tentang cara menggunakan *pedagogical content knowledge* mereka dalam merancang sesi PdP.
- iii. Menyediakan Dokumen Pendekatan Inkuiri Melalui Penggunaan Proses Sains bertujuan membimbing guru sains melaksanakan pendekatan inkuiri dengan berkesan dan menarik.
- iv. Memberi pendedahan kepada guru tentang kaedah pembelajaran berasaskan STEM menerusi Kit Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21). Objektif PdP berasaskan STEM adalah untuk menarik minat murid terhadap Matematik dan Sains.
- v. Memberi bimbingan pedagogi kepada guru melalui Pembimbing Pakar Peningkatan sekolah (SISC+) di sekolah berprestasi rendah dalam tiga (3) bidang iaitu pedagogi, pentaksiran dan kurikulum.